

Headline	Pesakit HIV usah putus asa		
MediaTitle	Metro Ahad		
Date	12 May 2013	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	314,321
Page No	37	Readership	1,964,000
Language	Malay	ArticleSize	121 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,469
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,406



## Pesakit HIV usah putus asa

**Kuala Lumpur:** "Ini cara berterusan untuk kami memberi pendedahan dan kesedaran kepada pesakit HIV supaya tidak berputus asa dengan hidup. Aktiviti gotong-royong seperti membersihkan Tanah Perkuburan Taman Selasih, Batu Caves ini antara sumbangan bakti yang boleh diberikan pesakit dan aktivis sukarela bagi memperingati, individu yang sudah tiada kerana jangkitan virus itu," kata Pengurus Kanan Yayasan PT, Yusmar Yusof sempena Hari Memperingati AIDS Sedunia, semalam.

Yusmar berkata, aktiviti yang menjadi acara tahunan Yayasan PT dan Majlis Aids Malaysia (MAC) dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) itu dapat memupuk kesedaran dan nilai positif pesakit HIV dan Aids.

"Inilah gunanya Hari Memperingati Aids Sedunia. Hari ini (semalam) seramai 60 orang yang terdiri daripada pesakit dan komuniti terdekat mereka mengambil



**YUSMAR**

bahagian dalam acara amal ini.

"Selain memberi khidmat bakti kepada pesakit yang sudah tiada, sedikit sebanyak ia turut memberi kesedaran kepada masyarakat dan pesakit.

"Lebih penting, kami ingin menerapkan nilai positif dalam diri pesakit. Kebiasaannya, mereka kecewa dan rendah diri serta enggan bercampur dengan masyarakat kerana pandangan negatif diterima. Namun dengan adanya acara seperti ini, mereka kembali bersemangat untuk bercampur dengan masyarakat," katanya.